

## Perlindungan Hak Isteri Terhadap Unsur Narsisisme dan *Gaslighting* dalam Konflik Keganasan Rumah Tangga Impak Pandemik COVID-19

Sukriah Ismail<sup>i</sup> Nur Sarah Tajul Urus<sup>ii</sup> Farida Isa Binawae<sup>ii</sup>

Ahmad Hussein Abdul Shakoor Siraji<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Email: [sukriahismail@unishams.edu.my](mailto:sukriahismail@unishams.edu.my)

<sup>ii</sup> Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia merangkap calon pelajar Ph.D di Universiti Utara Malaysia. Email: [nursarah.tajulurus@gmail.com/nursarah@unishams.edu.my](mailto:nursarah.tajulurus@gmail.com/nursarah@unishams.edu.my)

<sup>iii</sup> Pusat Pengajian Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Email: [faridabinawae@unishams.edu.my](mailto:faridabinawae@unishams.edu.my)

<sup>iv</sup> Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Email: [ahmadsiraji@unishams.edu.my](mailto:ahmadsiraji@unishams.edu.my)

Abstrak	Abstract
<p><i>Kajian ini memfokuskan secara konstruktif tentang polemik dalam rumah tangga impak pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Negara China misalnya mengundang kes perceraian yang tinggi dalam tempoh perintah darurat yang dikuatkuasakan. Di Malaysia pula, semasa perintah kawalan pergerakan (PKP), aduan konflik atau keganasan rumah tangga kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapat respons yang tinggi daripada kalangan isteri. Hal ini menunjukkan wujud konflik rumah tangga pada skala yang besar. Maka, kajian ini bertepatan untuk mengkaji punca dan faktor konflik keganasan rumah tangga. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti hak isteri dalam rumah tangga dan ketiga, mencadangkan prosedur standard rumah tangga penyayang ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan dengan bahan-bahan yang sebahagian</i></p>	<p><i>This study focuses constructively on the polemics in the COVID-19 pandemic impact households that plague the world. China, for example, invites high divorce cases during the period of emergency orders in force. In Malaysia, during the movement control order (PKP), complaints of conflict or domestic violence to the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) received a high response from wives. This indicates the existence of domestic conflict on a large scale. Thus, this study coincides to examine the causes and factors of domestic violence conflict. The second objective is to identify the rights of the wife in the household and third, to propose the standard procedure of a caring household to the State Islamic Religious Affairs Department. This study uses a qualitative methodology. Content analysis methods are used with materials that are largely sourced from libraries consisting of primary and secondary data. The main data is collected from the book of fiqh to explain the rights and responsibilities of the wife in the household. Secondary data based on published material, such as</i></p>

besarnya bersumberkan perpustakaan yang terdiri daripada data primer dan sekunder. Data utama dikumpulkan daripada kitab fiqah untuk menjelaskan hak dan tanggungjawab isteri dalam rumah tangga. Data sekunder berdasarkan bahan yang diterbitkan, seperti buku teks, artikel jurnal, pangkalan data dalam talian dan Internet. Untuk analisis, kajian ini menggunakan kaedah gabungan analisis data, iaitu pendekatan deskriptif, kritis dan perbandingan. Dapatan kajian menunjukkan wujud unsur narsisisme dan gaslighting dalam krisis rumah tangga yang memberikan kesan terhadap institusi rumah tangga yang harmonis. Perintah kawalan pergerakan turut menyumbang sebagai faktor yang kuat dalam konflik yang dialami pasangan suami isteri. Oleh itu, satu mekanisme prosedur operasi standard rumah tangga penyayang perlu diwujudkan pada peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri bagi melindungi hak isteri seterusnya membangunkan karakter berjiwa kuat dan kental agar terhindar daripada belenggu institusi perkahwinan yang negatif.

**(Kata Kunci: Perlindungan – Hak Isteri –Konflik Rumah tangga–Pandemik COVID-19)**

textbooks, journal articles, online databases and the Internet. For analysis, this study uses a combination of data analysis methods, namely descriptive, critical and comparative approaches. The findings show that there are elements of narcissism and gaslighting in the domestic crisis that have a harmonious impact on household institutions. Movement control orders also contribute as a strong factor in the conflict experienced by married couples. Therefore, a standard operating procedure mechanism for caring households needs to be established at the level of the State Islamic Religious Affairs Department to protect the rights of the wife and then develop a strong and strong character to avoid the shackles of negative marriage institutions.

(Keywords: Protection - Wife Rights - Household Conflict – Pandemic COVID-19)

## Pengenalan

Malaysia diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai antara negara terbaik dalam menangani dan mengawal pandemik COVID-19. Namun demikian, rakyat tidak boleh berpuas hati dengan keadaan sekarang dan perlu sentiasa mematuhi *standard operating procedures* (SOP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia demi memastikan mereka terhindar daripada penyakit ini. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, negara China misalnya mengundang kes perceraian yang tinggi semasa penguatkuasaan perintah darurat. Situasi di Malaysia pula sewaktu perintah kawalan pergerakan (PKP) dijalankan, aduan konflik atau keganasan rumah tangga ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapat respons yang tinggi daripada kalangan para isteri. Senario ini menunjukkan wujudnya konflik rumah tangga pada skala yang besar. Maka, kajian ini

bertepatan untuk meneliti punca dan faktor konflik keganasan rumah tangga. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti hak isteri dalam rumah tangga manakala objektif ketiga mencadangkan *prosedur standard* rumah tangga penyayang kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan dengan sebahagian besar bahan-bahan bersumberkan perpustakaan dan data terdiri daripada data sekunder. Data utama dikumpulkan daripada kitab fiqah untuk menjelaskan hak dan tanggungjawab isteri dalam rumah tangga. Data sekunder bersumberkan bahan yang diterbitkan seperti buku teks, artikel jurnal, pangkalan data dalam talian dan Internet. Untuk analisis, kajian ini menggunakan kaedah gabungan analisis data, iaitu pendekatan deskriptif, kritis dan perbandingan. Dapatan kajian menunjukkan wujud unsur *narsisisme* dan *gaslighting* dalam masalah rumah tangga yang memberikan kesan terhadap keharmonian institusi rumah tangga. PKP turut menjadi faktor penyumbang yang kuat terhadap konflik yang dialami pasangan suami isteri. Oleh itu, satu mekanisme prosedur standard rumah tangga penyayang perlu diwujudkan di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri bagi melindungi hak isteri seterusnya membangunkan karakter berjiwa kuat dan kental agar terhindar daripada belunggu institusi perkahwinan negatif.

### **Punca Dan Faktor Masalah Dalam Konflik Rumah Tangga**

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seharusnya membuka ruang dan peluang terbaik bagi setiap pasangan merapatkan hubungan melalui perubahan sikap, tingkah laku dan sentuhan kasih sayang terhadap pasangan. Namun begitu, masyarakat agak terganggu dengan statistik yang dianalisis oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa Talian Kasih 15999 dan WhatsApp Talian Kasih menerima sejumlah 77,382 panggilan iaitu 32,660 panggilan telefon dan 44,722 melalui WhatsApp semasa tempoh PKP dari 18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020. Panggilan terus meningkat sehingga 31 Ogos 2020 dengan sejumlah 122,904 panggilan keseluruhan diterima di Talian Kasih.<sup>1</sup> Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) pula merekodkan sebanyak 14 peratus peningkatan bilangan

---

<sup>1</sup> Soalan No.: 68 Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Lisan Dewan Negara Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas.

panggilan dan aduan menerusi WhatsApp berhubung kes keganasan rumah tangga yang membabitkan wanita.<sup>2</sup> Ironinya keganasan rumah tangga boleh berlaku dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengenal agama, bangsa dan warna kulit termasuk status ekonomi sama ada kelompok berpendapatan rendah (B40), sederhana (M40) mahupun tinggi (T20).

Punca utama peningkatan kes keganasan rumah tangga sewaktu pelaksanaan PKP ialah masalah kewangan serta ketidaktentuan masa depan yang menimbulkan konflik yang ketara. Salah satu kesan negatif PKP ialah kekangan terhadap aktiviti ekonomi. Sebahagian besar rakyat Malaysia yang bekerja sebelum pelaksanaan PKP mengalami perubahan status pekerjaan sepanjang tempoh PKP. Kelompok masyarakat yang paling terjejas akibat pelaksanaan PKP ialah golongan B40 dan M40 yang bekerja atau berniaga sendiri dan bergaji harian. Majoriti kelompok ini tidak mempunyai tabungan atau simpanan kecemasan ketika di ambang kegawatan ekonomi. Tekanan semakin bertambah sekiranya golongan ini mempunyai bilangan tanggungan yang besar. Kehilangan pendapatan sepenuhnya dan kehabisan bekalan makanan menjadikan suami sebagai ketua keluarga mudah hilang pertimbangan kerana tidak dapat memenuhi keperluan harian keluarga. Impak perubahan dalam pekerjaan dan status kewangan sepanjang tempoh PKP ini, berlakulah pertengkaran dan pergaduhan antara suami isteri sehingga melibatkan keganasan ke atas isteri dan penderaan fizikal dan mental ke atas anak-anak.

Kajian psikologi terhadap *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) mendapati tempoh PKP atau kuarantin semasa pandemik mempunyai hubungan signifikan dengan isu psikologi seperti tekanan emosi.<sup>3</sup> Pemikiran negatif yang membelenggu diri seseorang boleh menjejaskan emosinya sepanjang PKP dilaksanakan. Emosi negatif ini merujuk pelbagai pemikiran negatif mengenai diri sendiri, pasangan, ragam anak-anak, dan rasa terasing daripada keluarga dan rakan. Selain itu, pengasingan sosial juga merupakan faktor yang membawa kepada tekanan emosi. Akibat kekangan ini dan rasa terkurung di rumah serta tiada saluran lain untuk menghilangkan stres, pelaku akan melampiaskan nafsu amarahnya kepada pasangan dan anak-anak. Rumah yang sepatutnya menjadi syurga dan tempat berlindung serta tempoh PKP yang merupakan peluang untuk hidup berkasih sayang sebaliknya

---

<sup>2</sup> <https://wao.org.my/>

<sup>3</sup> <https://www.centre.my/post/mco-and-mental-health-living>

bertukar menjadi mimpi ngeri buat sesetengah isteri yang berterusan menjadi mangsa penderaan fizikal dan mental lelaki yang bergelar suami.

Selain itu, memandangkan mangsa dan pelaku mempunyai lebih banyak masa di rumah susulan PKP, peluang untuk konflik berlaku adalah lebih tinggi. Mangsa akan terkurung bersama pendera sekali gus menyukarkan mereka untuk cuba mendapatkan bantuan disebabkan pergerakan dan gerak-geri mereka diawasi sepanjang masa.<sup>4</sup> Keganasan rumah tangga adalah berasaskan ketidakseimbangan kuasa antara pasangan dan keinginan pendera untuk mengawal mangsa. Tambahan pula sepanjang tempoh PKP dilaksanakan, mangsa tidak boleh lari daripada situasi tersebut, tiada sokongan daripada orang lain serta tiada tempat untuk mengadu kerana banyak perkhidmatan yang tidak beroperasi. Begitu juga dengan mangsa yang tidak dapat bekerja sepanjang PKP, mereka mungkin terpaksa bergantung kepada si pendera dari segi kewangan. Kebergantungan mangsa kepada pendera mungkin memburukkan lagi situasi ini.

Selanjutnya statistik menunjukkan bahawa kes penagihan dadah meningkat seiring dengan peningkatan jumlah kes keganasan rumah tangga. Sebelum terlibat dengan najis dadah, pelaku biasanya mampu menjalani kehidupan normal bersama pasangan masing-masing. Namun, setelah terlibat dengan aktiviti penagihan dadah, berlaku perubahan pada tingkah laku dan emosi pelaku. Pelbagai cara dilakukan oleh pelaku untuk mendapatkan wang bagi tujuan memperoleh bekalan dadah. Kesukaran mendapatkan bekalan dadah dalam kalangan penagih disebabkan faktor kewangan dan pelaksanaan PKP menyebabkan berlakunya keganasan dalam rumah tangga dan terhadap keluarga. Situasi ini seterusnya menyebabkan pasangan berasa tidak selamat, risau dan takut apabila bersama pelaku. Keadaan ini jika berlanjutan boleh membawa kepada kepincangan institusi kekeluargaan seterusnya menjurus kepada perceraian.

Penyelesaiannya, memandangkan risiko keganasan rumah tangga meningkat ketika pelaksanaan PKP, jiran perlu sentiasa peka, berkongsi talian bantuan WAO dan Talian Kasih dengan mangsa dan menasihati mereka supaya menghubungi WAO. Setiap individu bertanggungjawab untuk berusaha mengekalkan kestabilan emosi dengan mengamalkan sikap positif demi menjaga kesejahteraan mental, fizikal dan sosial. Bagi sumber kewangan untuk menampung keperluan keluarga, mereka yang berkeperluan boleh mendapatkan bantuan yang disediakan oleh pelbagai pihak, baik

---

<sup>4</sup> <https://www.nytimes.com/2020/04/06/world/coronavirus-domestic-violence.html>

agensi kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan. Pelbagai insentif disediakan bagi membantu golongan yang terjejas. Rakyat boleh mempelbagaikan sumber ekonomi seperti menggunakan kaedah perniagaan dalam talian yang semakin hari semakin popular dewasa ini terutamanya ketika PKP. Tuntasnya, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Konflik rumah tangga kesan pandemik COVID-19 ini turut memberikan impak kepada wanita yang berjaya keluar daripada belenggu keganasan rumah tangga. Usaha membina semula kehidupan selepas penderaan amat mencabar dalam keadaan biasa, apatah lagi dalam keadaan pandemik, di samping faktor kewangan. Semua pihak termasuk keluarga, masyarakat dan pihak kerajaan mempunyai peranan penting dalam memberikan pertolongan dan motivasi kepada mangsa.

### **Isu Perceraian dan Pembunuhan**

Statistik perceraian yang berlaku di Malaysia menunjukkan beberapa ciri yang membimbangkan. Pertama, kajian yang dijalankan oleh penyelidik HELP University College melaporkan kadar perceraian di Malaysia meningkat sebanyak 105% iaitu daripada 16,013 kes pada tahun 2002 kepada 32,763 kes pada tahun 2009. Kedua, statistik perceraian juga menunjukkan jumlah perceraian dalam kalangan pasangan beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding bukan Islam (JAKIM, 2009). Sungguh pun jumlah ini dipengaruhi oleh jumlah perkahwinan dan komposisi kaum di negara ini, angka ini tetap membimbangkan. Tambahan pula, JAKIM melaporkan pada tahun 2009 berlaku satu perceraian setiap 15 minit dalam kalangan umat Islam. Kadar ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Laporan JAKIM juga menunjukkan bahawa 32.2% daripada perkahwinan berakhir dengan perceraian dalam tempoh lima tahun pertama dan kadar ini menurun kepada 27.7% untuk tempoh enam hingga 10 tahun pertama perkahwinan.

Terdapat isteri yang memfailkan penceraian yang akhirnya dibunuh. Orang awam mungkin kehairanan melihat para isteri yang bertahan dalam rumah tangga penuh konflik akibat suami yang zalim dan toksik. Antara punca yang menyebabkan segelintir isteri ini bertahan ialah ketakutan.

Dalam sesetengah situasi, jalan penyelesaian yang terbaik ialah perceraian untuk melindungi keselamatan nyawa si isteri, kerana sudah terdapat kes yang

melibatkan pembunuhan wanita oleh suaminya sendiri. Dalam hal ini, sikap segelintir masyarakat yang *over optimistic* dan menggalakkan si isteri bertahan serta berdoa semata-mata supaya si suami berubah tidak membantu isteri yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Mereka mungkin tidak sedar bahawa mangsa bukan tidak mahu keluar daripada situasi yang membelenggu mereka tetapi mereka berada dalam ketakutan dan tiada tempat untuk berlindung.

Walaupun sesetengah pihak memandang serong terhadap perceraian, hakikatnya ia dibenarkan dalam Islam. Perceraian mungkin jalan terbaik apabila si suami seorang yang zalim, tidak mampu untuk berubah dan melakukan perbuatan yang membinasakan sehinggakan ada yang tergamak membunuh isteri sendiri.

Penderaan emosi, penderaan fizikal dan pembunuhan sudah banyak berlaku dalam masyarakat. Di Malaysia, masih kurang pendedahan terhadap isu *gaslighting* dan narsisisme yang terjadi dalam institusi rumah tangga. Masyarakat perlu lebih peka dan mengambil tahu tentang perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka supaya dapat memberikan sokongan dan bantuan kepada individu yang memerlukan.

Sesetengah ibu bapa mengambil sikap berkecuali dan tidak mahu masuk campur dalam masalah rumah tangga anak mereka. Mereka mungkin tidak sedar bahawa tanggungjawab mereka terhadap anak-anak yang sudah berumah tangga tidak terhapus sepenuhnya. Malah ahli keluarga dan ibu bapa merupakan antara insan terdekat yang menjadi tempat dituju apabila masalah berlaku.

Terdapat para suami yang mengugut untuk membunuh isteri sama ada dengan kata-kata amaran atau perbuatan seperti mengacukan pisau dan sebagainya. Pastinya, perlakuan sebegini memerlukan tindakan pantas untuk menyelamatkan mangsa atau sekurang-kurangnya dengan membuat laporan polis. Dalam situasi sebegini, perasaan malu dan aib yang menebal dalam masyarakat sudah tidak relevan kerana nyawa dan masa depan mangsa perlu diutamakan.

Undang-undang Malaysia jelas menyatakan pembunuh akan dikenakan hukuman gantung jika sabit kesalahan. Begitu juga dengan kesalahan-kesalahan lain yang mengakibatkan kecederaan, hukumannya sudah diperuntukkan dalam undang-undang. Oleh itu, para suami perlu sedar akan akibat yang menanti mereka jika mereka terus melayan amarah dan bertindak ganas terhadap isteri.

Keganasan terhadap pasangan tidak terhad kepada pasangan suami isteri sahaja, malah pasangan yang belum berkahwin juga mengalami konflik yang serupa.

Sebahagian mangsa mungkin menyangka dan mengharapkan pelaku akan berubah, tetapi sesuatu perbuatan yang sudah menjadi tabiat lazimnya sukar untuk ditinggalkan.

### *Narsisisme*

Dewasa ini, istilah *narsisisme* lebih diketahui oleh masyarakat umum sebagai gambaran individu yang mempunyai rasa percaya diri yang tinggi. Istilah *narsisisme* dalam psikologi dapat digolongkan sebagai salah satu gangguan peribadi. Individu sebegini lebih cenderung mengasingkan diri daripada masyarakat dan mementingkan diri sendiri.<sup>5</sup>

Mereka berasa orang lain tidak setanding dengan mereka dan mereka tidak perlu mendengar pandangan orang lain. Malah mereka berpendapat mereka sahaja yang betul dan orang lain semua salah. Individu sebegini bukanlah semata-mata sombong atau egois, tetapi mereka ialah *narcissist*. Jenis manusia sebegini tidak asing dalam kalangan pasangan di Malaysia, cuma hanya segelintir orang yang tahu apakah sebenarnya orang yang sebegini.

*Narcissist* merujuk kepada individu yang sering menunjukkan kekaguman berlebihan terhadap diri sendiri atau rupa parasnya, merasakan dirinya sentiasa penting, sentiasa mahukan perhatian dan kekurangan empati terhadap orang lain. *Narsisisme* sering disalahertikan dengan ego yang tinggi dan berlagak. Sebenarnya kedua-dua perkataan ini terangkum dalam individu yang *narcissist* kerana mereka memerlukan kedua-dua komponen ini untuk berbangga diri.

Secara ringkasnya, kesemua perkara dalam kehidupan seorang *narcissist* adalah berkaitan “aku”, “aku” dan “aku”. Mereka merasakan orang lain tidak lebih penting daripada diri mereka. Kehidupan dengan individu sebegini merupakan pengalaman yang menakutkan. Segala hal yang berlaku di dalam rumah perlu melalui dirinya dan pendapat atau pandangan orang lain tidak membawa erti baginya. Baginya hanya dirinya yang betul manakala isteri, anak, atau orang lain semuanya tidak betul.

Secara terperinci, seorang *narcissist*:

1. Sentiasa berasa megah akan diri sendiri.

---

<sup>5</sup> Wida Widiyanti, M. Solehuddin, Aas Saomah, 2017, *Profil Perilaku Narsisme Remaja Serta Implikasinya Bagi Bimbingan Dan Konseling*, Indonesian Journal of Educational Counseling, Volume 1, No. 1, Januari 2017: Page 15-26, ISSN 2541-2779 (print) || ISSN 2541-2787 (online).



2. Asyik dengan fantasi kejayaan, kuasa, kecemerlangan, kecantikan, atau kecintaan yang tidak terbatas.
3. Terlalu mempercayai dirinya istimewa dan unik dan hanya boleh difahami oleh orang yang hebat seperti dirinya sahaja.
4. Sentiasa mahu dikagumi secara berlebihan.
5. Selalu berasa dengki atau iri hati terhadap orang lain dan sentiasa menyangka orang lain berdengki atau tidak senang dengan dirinya.
6. Kurang empati dan tidak tahu meletakkan dirinya di tempat orang lain serta tidak mempedulikan perasaan orang lain.
7. Selalu menunjukkan tingkah laku atau sikap angkuh dan berlagak.

Antara cara-cara untuk mengenal pasti seorang *narcissist* adalah dengan:

1. Pada mulanya, dia nampak seperti seorang yang menawan. Gaya dan percakapannya boleh mempesonakan. Dia akan meyakinkan orang lain bahawa dia hanya akan bersama dengan orang yang istimewa sahaja. Namun, sejujur selepas orang tersebut melakukan sesuatu yang tidak digemarinya atau tidak mencapai tahap yang dimahukannya, dia akan menunjukkan dirinya yang sebenar. Sebarang kesalahan atau apa-apa sahaja yang dilakukan orang itu selalunya tiada kena-mengena dengan diri orang tersebut tetapi lebih kepada perkara yang individu *narcissist* itu rasa dan fikirkan.
2. Dia sentiasa mengawal perbualan dan bercerita mengenai kehebatan dirinya. Dia akan mengagung-agungkan pencapaian dirinya. Apabila orang lain bercerita, dia akan sentiasa mengalih perbualan kepada dirinya, perkara yang telah dilakukannya, pencapaiannya dan sebagainya. Dia akan sibuk bercerita mengenai diri sendiri sehingga tiada masa untuk mendengar mengenai orang lain. Orang sebegini boleh diuji dengan bercerita mengenai orang lain kepadanya dan memerhati responsnya. Adakah dia akan bertanya mengenai orang lain itu atau dia akan melencongkan perbualan kepada perkara serupa yang pernah dilakukannya? Respons yang diberikannya akan memberikan jawapan sama ada dia seorang *narcissist*.
3. Dia sangat menggemari pujian. Jika dia seorang ketua, anak-anak buahnya menjadi kaki kipas. Senario ini memberikan fakta tentang seorang *narcissist*. Dia hidup dengan pujian, suka berbangga diri dan angkuh.

Mungkin dia kelihatan hebat dan yakin diri, namun sebenarnya dia orang yang paling tidak yakin akan dirinya dan sangat memerlukan pujian berterusan. Orang sebegini akan naik dengan merendahkan orang lain. Dia akan menghukum orang yang tidak bersetuju dengannya.

4. Apabila seseorang bercakap dengan individu *narcissist*, individu *narcissist* itu sebenarnya tidak mempedulikan orang tersebut. Jika orang itu bercerita dia penat, individu *narcissist* itu akan mengatakan yang dia juga penat dan lebih penat. Jika orang itu berkata bahawa dia pernah melalui satu kesusahan, individu *narcissist* tidak akan berasa kasihan, malah mungkin akan mengatakan yang dia pernah mengalami kesusahan yang lebih teruk daripada itu. Orang yang sentiasa berasa dirinya lebih hebat, lebih susah, lebih pandai dan lebih dalam segala aspek daripada orang lain ini banyak wujud dalam masyarakat tanpa disedari.

5. Individu *narcissist* tidak mempunyai teman rapat yang lama. Andai dia ada teman rapat, hanya orang yang mudah diperdaya atau kurang keyakinan diri akan sentiasa mengaguminya. Hal ini antara punca individu *narcissist* memandang rendah jika pasangannya mempunyai rakan dan sentiasa mencari kesalahan rakan tersebut walaupun rakan yang sama jantina.

6. Perkara yang paling memenatkan ialah individu *narcissist* akan mempersoalkan semua perkara mengenai orang lain, seperti perkara yang mereka buat, makan dan pakai, begitu juga rakan mereka, rancangan kegemaran mereka di Netflix atau YouTube, minat dan hobi mereka. Semuanya tidak kena dan salah, dan semuanya tidak bagus atau tidak cukup bagus. Individu *narcissist* menggunakan bahasa kasar, mencarut, memaki hamun, mengucapkan sesuatu yang sangat menyakitkan hati dan kadangkala membuat lawak hambar untuk menutup kekejaman yang dikatakan atau dibuatnya.

7. Dia mendambakan maklum balas hasil daripada perbuatannya terhadap orang lain untuk berasa lebih berkuasa. Jika orang lain memberitahu bahawa mereka tidak tahan dengan perangai individu *narcissist* itu, ia memberinya lebih kekuatan kerana menunjukkan perbuatannya mendatangkan hasil.

8. Individu *narcissist* sengaja memberikan perhatian kepada orang lain, seperti mengejek mereka, kerana dia rasa lebih berkuasa. Kadangkala perkahwinannya hanya untuk kepentingan rasa berteman serta untuk mendapat zuriat dan kepuasan seks sahaja.

9. Individu *narcissist* kurang atau tidak pernah meminta maaf walaupun sudah jelas bahawa dia bersalah atau tersilap kerana baginya, dia sentiasa betul. Walaupun orang lain betul, orang lain tetap salah di matanya kerana tidak memikirkan perkara yang difikirkannya. Dia tidak mendengar, tidak mahu faham serta tidak sanggup bertolak ansur.

10. Individu *narcissist* akan kelam-kabut jika pasangannya mahu berpisah. Dia akan bertukar menjadi orang yang paling romantik, paling penyayang dan paling baik. Dia sanggup melutut, merayu, membelikan pelbagai hadiah dan membawa pasangannya ke mana-mana sahaja yang dipinta untuk memujuk. Namun begitu, individu *narcissist* tidak akan berubah. Lama-kelamaan dia akan kembali kepada perangai asalnya. Dia mungkin memujuk rayu pasangannya setahun dua, sebulan dua, atau seminggu dua, tetapi akhirnya dia akan kembali memaki hamun pasangannya.

11. Individu *narcissist* suka berpura-pura di hadapan orang lain. Keluarganya kelihatan bahagia, mesra dan romantik. Pasangannya dipeluk dan dicium dan tangan sentiasa dipegang di mana-mana sahaja tetapi perbuatan itu hanya satu pertunjukan dan kepura-puraan yang penuh kepalsuan.

12. Kebiasaannya apabila pasangannya sudah bertekad untuk berpisah, individu *narcissist* akan berkasar dan bertindak ganas. Jika pasangannya berjaya berpisah daripadanya, dia akan sentiasa mengganggu pasangannya kerana ego yang tercalar. Dia meletakkan kesalahan ke atas pasangannya sehingga menyebabkan hubungan mereka terputus. Kemungkinan besar juga dia akan sentiasa cuba untuk menyakiti hati pasangannya. Seperti contoh orang yang gila talak, kadangkala ia bukan disebabkan kesesalan dengan perpisahan yang berlaku tetapi berpunca daripada ego dan kegagalan yang tidak boleh diterimanya.

13. *Boasting*/berlagak/bangga diri. Dalam hampir semua perbualan, individu *narcissist* akan menunjukkan kehebatan dirinya, pencapaiannya, ilmunya, keupayaannya, kekayaannya dan pelbagai kelebihan lagi. Mereka tidak menganggap perbuatan ini salah dan mengandaikan bahawa perlakuan berlagak merupakan sesuatu yang boleh diterima. Pasangan yang terperangkap dalam kehidupan dengan individu sebegini akan berasa terseksa. Perkahwinan tidak akan mengubah individu *narcissist* malah kebiasaannya, pasangannya akan menyesal seumur hidup. Kebanyakan pasangan tidak mampu keluar daripada kehidupan yang toksik ini. Sebahagian daripada mereka terlalu lemah, tidak berdaya dan terlalu bergantung hidup kepada

individu *narcissist*. Narsisisme tidak terhad kepada kaum lelaki sahaja, malah wanita juga boleh menjadi individu *narcissist* dan ia tidak mengira umur, sama ada muda ataupun tua.

### ***Gaslighting***

*Gaslighting* sudah berlaku dalam masyarakat sejak dahulu kala lagi. Namun, sebahagian besar mangsa (*gaslightee*) tidak tahu apa yang sedang dilalui mereka dan tidak sedar bahawa mereka sedang hidup bersama seorang *gaslighter* (pelaku *gaslighting*).

Secara ringkasnya, *gaslighting* ialah satu situasi yang melibatkan seorang lelaki atau wanita (*gaslighter*) memanipulasi minda pasangannya (*gaslightee*) supaya mereka rasa tidak percaya kepada diri sendiri, percaya kepada perkara yang tidak pernah berlaku, terlupa atau tidak percaya kepada perkara yang pernah berlaku dan mempunyai perasaan tidak boleh hidup sendiri atau tanpa pelaku. Ia umpama menyemai benih keraguan dalam diri mangsa sehinggakan mangsa mempersoalkan memori, pandangan, pendapat, pertimbangan dan keupayaan mereka untuk membuat keputusan sendiri.

Orang ramai mungkin tertanya-tanya sebab-musabab mangsa tidak keluar daripada kehidupan sebegitu, tidak sedar bahawa diri menjadi mangsa, dan sanggup diperbodohkan. Sebenarnya apabila *gaslighting* disemai sedikit demi sedikit, perkara yang benar akan kelihatan seperti tidak benar dan begitulah sebaliknya. Hal ini menerangkan perilaku seseorang yang hidup sengsara dengan pasangannya tetapi masih kekal setia hidup bersama seperti tiada apa-apa yang berlaku. Sebagai contoh, jika setiap hari pasangan diberitahu bahawa dia tidak cantik dan menarik, lambat-laun dia akan mula melihat dirinya di cermin dan nampak “kecacatan” di mukanya. Apabila keadaan ini berlaku, *gaslighter* kemudiannya akan membuatkan pasangannya percaya yang tiada sesiapa pun akan menyayanginya kecuali *gaslighter*. Akibatnya, pasangan akan berasa tidak boleh hidup tanpa *gaslighter* tersebut. Dalam situasi ini, *gaslighter* mendapat kuasa ke atas diri pasangannya. Pasangannya akan menjadi lebih toleransi kerana “menyayangi” *gaslighter* tersebut sedangkan secara realitinya, pasangannya takut akan kehilangannya.

*Gaslighter* juga boleh berkelakuan licik untuk membuatkan pasangannya mula meragui ingatannya sendiri iaitu dengan mengubah kedudukan barang peribadi pasangan seperti sikat, kunci kereta atau telefon bimbit. Perbuatan ini kelihatan seperti gurauan biasa, tetapi lama-kelamaan ia boleh menyemai keraguan dalam diri dan jika terus berlarutan setiap hari atau berlaku secara konsisten berulang kali, akhirnya mangsa akan mula mempercayai *gaslighter* berbanding dirinya sendiri. Perbuatan ini dipanggil proses menyemai keraguan diri.

Tujuan *gaslighter* berbuat demikian adalah untuk menutup kesalahannya sendiri. Jika dia curang, dia mungkin akan membuatkan pasangannya meragui bahawa pasangan itu pernah nampak mesej antara *gaslighter* tersebut dengan perempuan lain. *Gaslighter* tersebut akan beria-ia menafikan perbuatannya dan menggunakan alasan yang pasangannya sering terlupa dan gemar membayangkan perkara yang tidak pernah terjadi. Pasangan akan menjadi keliru. Walaupun dia merasakan bahawa dia pernah nampak mesej antara suaminya dengan wanita lain, dia akan menjadi ragu-ragu selepas si suami berkata sedemikian. Dia akan mula memikirkan bahawa dia yang tersalah anggapan dan ia sekadar mainan mindanya sahaja.

Apabila situasi sudah sampai ke tahap ini, *gaslighter* mungkin akan mula menuduh pasangannya pula yang curang. Dia akan bersungguh-sungguh mencipta situasi yang menunjukkan kecurangan pasangan seperti membesarkan perkara-perkara kecil, contohnya pasangan menjawab komen lelaki lain di Facebook. Walaupun tujuan komen tersebut sekadar untuk memberikan maklumat, *gaslighter* akan membesar-besarkan perkara tersebut seolah-olah pasangannya ada hubungan sulit.

Jika situasi ini berlarutan, pasangannya akan berasa penat dan akhirnya akan mengikut sahaja rentak *gaslighter*. Pasangan tidak lagi akan mempersoalkan kegiatan dalam talian *gaslighter* seperti menghabiskan masa di Bigo Live, Tik Tok, Michat dan sebagainya.

Pasangan akan tunduk patuh kepada *gaslighter* tersebut kerana disajikan setiap hari bahawa syurga terletak di bawah tapak kaki suami walau dalam apa-apa keadaan sekalipun. Jika pasangan cuba untuk meminta bantuan luar, *gaslighter* akan memotong tali harapan itu dengan memburukkan orang yang ingin membantu atau memutuskan perhubungan pasangannya dengan dunia luar. Akhirnya pasangan tidak lagi akan mempercayai ahli keluarga dan rakan-rakan terdekat. Bantuan daripada

orang terdekat akan dianggap sebagai langkah untuk meruntuhkan hubungannya dengan *gaslighter* tersebut.

*Gaslighter* juga mungkin menggunakan taktik memberikan pujian palsu. Contohnya, walaupun setiap hari dia memberitahu pasangannya bahawa pasangannya tidak cantik, pada masa yang sama dia akan memuji bahawa pasangannya itu sudah cukup cantik baginya. Ia kelihatan seperti pujian, sekali gus sering menyebabkan mangsa terpedaya. Hakikatnya pujian itu hanya untuk mengukuhkan lagi sasaran supaya pasangan berasa bahawa hanya *gaslighter* sahaja yang boleh menyayangnya.

Sebagaimana benih kekeliruan itu mengambil masa yang lama untuk membuah hasil, selama itu jugalah masa yang diperlukan untuk meyakinkan mangsa tentang helah *gaslighter*.

### **Kesedaran Mengenai Keganasan Rumah Tangga**

Keganasan rumah tangga bermaksud kelakuan ganas atau agresif terhadap pasangan. Ia merangkumi perbuatan terhadap pasangan yang menyebabkan kesakitan yang kuat. Sebagai contoh, cubitan mungkin merupakan perkara biasa bagi sesetengah pasangan, tetapi cubitan yang menyebabkan lebam dan luka ialah satu keganasan. Pasangan tidak seharusnya mengambil mudah perkara ini kerana jika dibiarkan, situasi boleh bertukar menjadi lebih buruk lagi.

Walaupun terdapat kaum lelaki atau suami yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, di seluruh dunia, wanita merupakan mangsa keganasan rumah tangga yang paling banyak. Oleh itu, isu ini menjadi fokus kepada kajian ini. Mungkin sebahagian besar anggota masyarakat beranggapan bahawa keganasan rumah tangga berpunca daripada stres atau tekanan. Namun, pengkaji beranggapan ia bertitik-tolak daripada tiada rasa hormat terhadap isteri. Seorang suami yang menghormati isterinya tidak akan membiarkan si isteri disakiti, terutamanya oleh dirinya sendiri. Walaupun suami menghadapi tekanan atau pelbagai masalah lain, ia bukan alasan untuk menjadikan isteri sebagai tempat suami melepaskan kemarahan.

Penulisan ini tidak akan membincangkan tentang alasan seorang isteri itu dipukul sebaliknya akan memfokuskan perkara yang boleh dilakukan oleh isteri yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

## Langkah Mengatasi Keganasan Rumah Tangga

Pergaduhan atau insiden kali pertama merupakan detik yang paling penting. Langkah seterusnya yang diambil mangsa bakal menentukan masa depannya dengan pasangan. Kali pertama mangsa ditampar, dia perlu memberitahu pasangan bahawa perbuatan itu merupakan satu kesalahan. Pasangan perlu tahu yang mangsa membenci perlakuan keganasan tersebut dan dia juga perlu tahu bahawa perlakuan itu menyakitkan mangsa. Pasangan mungkin akan sedar bahawa dia telah tersilap langkah dan akan terus menyesal. Dalam hal ini, mangsa telah berjaya mengawal keadaan.

Namun begitu, jika keganasan terus berlaku, terdapat beberapa langkah yang mangsa perlu tahu dan lakukan, antaranya ialah:

i) Kesedaran (*awareness*)

Mangsa perlu sedar bahawa pasangan tiada hak untuk mencederakan dan melukakannya. Mangsa juga perlu sedar bahawa keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang. Mangsa perlu tahu bahawa dia boleh mendapatkan bantuan, tidak keseorangan dan perlu berhenti menyeksa diri sendiri dan orang yang disayanginya, contohnya, anak-anaknya. Anak-anak tidak seharusnya dijadikan alasan yang menghalang mangsa daripada keluar daripada kemelut keganasan rumah tangga, malah anak-anak mungkin akan mengalami trauma apabila menyaksikan ibu mereka menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

ii) Berkongsi masalah

Mangsa seharusnya berkongsi masalah dengan ahli keluarga atau teman rapat, seperti ibu, bapa, adik-beradik atau kawan karib. Melalui perkongsian terutamanya dengan ahli keluarga, mangsa boleh mendapatkan nasihat serta pandangan daripada mereka. Hal ini tidak boleh dilihat sebagai suatu yang mengaibkan kerana ia melibatkan keselamatan diri, keluarga dan masa depan.

iii) Mendapatkan bantuan daripada badan/pertubuhan perlindungan wanita.

Mangsa boleh mendapatkan bantuan daripada badan-badan yang menawarkan pertolongan dan perlindungan kepada wanita, contohnya, Women's Aid Organization (WAO). WAO boleh dihubungi dengan membuat panggilan telefon atau melalui SMS/WhatsApp. Antara khidmat

yang disediakan WAO ialah memberikan nasihat, menerangkan pilihan kepada mangsa dan mangsa juga boleh bertemu secara berdepan dengan wakil WAO. Selain itu, mangsa boleh mengakses perkhidmatan WAO seperti sokongan perlindungan dan krisis.

iv) Mendapatkan bantuan daripada hospital kerajaan

Hospital-hospital kerajaan menawarkan bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga melalui *One Stop Crisis Centre* (OSCC). Pusat bantuan ini dibuka 24 jam sehari dan melayan semua kes berkaitan dengan penyalahgunaan, keganasan dan eksploitasi orang dewasa dan kanak-kanak. Matlamat utama OSCC adalah untuk menawarkan tempat yang selamat untuk melindungi mangsa daripada bahaya, untuk memeriksa kecederaan mangsa dan memberikan rawatan sewajarnya, serta untuk membantu siasatan polis dan menjaga mangsa dengan selamat sehingga mangsa menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat jika diperlukan. Mangsa juga akan dinilai untuk krisis mental dan emosi.

v) Mendapatkan *Emergency Protection Order* (EPO) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

*Emergency Protection Order* (EPO) merupakan perintah yang dikeluarkan oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terhadap pelaku supaya berhenti melakukan tindakan keganasan terhadap mangsa. EPO boleh didapati pada bila-bila masa dengan menghubungi Talian Nur (15999) yang tersedia 24 jam sehari atau dengan mengunjungi pejabat JKM yang terdekat. Mangsa perlu membawa kad pengenalan sendiri dan sijil kelahiran anak jika berkenaan ke JKM. Mangsa tidak perlu membuat laporan polis untuk mendapatkan EPO dan ia sah selama 7 hari.

vi) Membuat laporan polis dan memohon *Interim Protection Order* (IPO) di balai polis.

Mangsa boleh melaporkan sebarang perbuatan atau ancaman keganasan dengan membuat laporan polis sama ada dengan menaip sendiri di balai polis atau secara lisan kepada pegawai polis. Mangsa juga boleh membuat draf laporan terlebih dahulu. Dalam laporan polis tersebut, mangsa perlu menulis butiran penyalahgunaan seperti keganasan yang berlaku, tarikh dan anggaran masa ia berlaku, tempat ia berlaku, dan individu yang terlibat.



Mangsa perlu mendapatkan salinan laporan polis untuk simpanan peribadi dan rujukan pada masa depan.

Mangsa boleh memberitahu pegawai polis yang mangsa ingin memohon untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Interim atau *Interim Protection Order* (IPO). IPO ialah dokumen mahkamah yang melarang pelaku daripada terus melakukan keganasan kepada mangsa dan ia sah sepanjang siasatan polis. Pasangan, bekas isteri atau ahli keluarga pelaku boleh memohon untuk mendapatkan IPO. Walau bagaimanapun, IPO tidak meliputi pasangan yang tidak berkahwin.

Dalam laporan polis, mangsa perlu menyatakan permintaan untuk mendapatkan IPO. IPO juga boleh merangkumi ahli keluarga lain, seperti anak-anak mangsa. Mangsa seharusnya mendapatkan surat rujukan daripada polis yang menyatakan bahawa pihak polis sedang menyiasat kes itu. Seterusnya, mangsa perlu ke Pejabat Kebajikan Masyarakat terdekat dengan membawa laporan polis, surat rujukan, dan kad pengenalan dan memaklumkan kepada pegawai kebajikan yang mangsa mahukan IPO. Pegawai kebajikan akan menemani mangsa ke mahkamah untuk memohon IPO. IPO adalah sah semasa siasatan polis. Sebaik sahaja siasatan polis berakhir dan kes itu disebut di mahkamah, mangsa perlu memohon Perintah Perlindungan (PO) pula.

vii) Melarikan diri

Jika keadaan memaksa, mangsa mungkin perlu melarikan diri. Namun begitu, mangsa perlu tahu bahawa keganasan boleh menjadi lebih buruk jika mangsa melarikan diri. Oleh itu, mangsa perlu mengambil kira beberapa perkara sebelum melarikan diri dari rumah, antaranya ialah:

1. Menyimpan bukti kecederaan seperti gambar dan video.
2. Mencatat butiran kelakuan ganas seperti tarikh, tempat dan tahap kecederaan yang dialami.
3. Menyimpan nombor kecemasan seperti 999, WAO *hotline* dan talian WhatsApp serta nombor Talian Nur. Mangsa boleh menyimpannya menggunakan nama lain supaya tidak dapat dihidu oleh pelaku.
4. Memaklumkan kepada ahli keluarga terdekat.
5. Merancang tempat tinggal sementara.

6. Menyimpan semua barangan peribadi seperti pakaian, duit dan dokumen peribadi di dalam beg kecemasan dan menyerahkan beg tersebut kepada ahli keluarga atau kawan karib untuk simpanan sementara.

7. Memastikan telefon sentiasa berada dengan mangsa dan bersedia untuk digunakan (boleh buat panggilan/WhatsApp).

## **Undang-undang Keganasan Rumah Tangga**

Akta Keganasan Rumah tangga 1994 (Pindaan) 2017 telah dikuatkuasakan bermula tahun 1994 di seluruh Malaysia. Jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumah tangga kian meningkat dan kini ia telah menjadi masalah sosial. Isu sosial ini boleh membawa kepada keruntuhan masyarakat sekiranya tidak dibendung. Akta Keganasan Rumah tangga 1994 adalah satu undang-undang yang memberikan perhatian khusus terhadap hal-hal keganasan rumah tangga dengan memperuntukkan beberapa cara penyelesaian bagi kes-kes sedemikian.

Menurut akta ini, individu-individu berikut boleh membuat aduan jika sesuatu keganasan rumah tangga sedang berlaku kepada pegawai kebajikan masyarakat atau pegawai polis yang juga bertindak sebagai pegawai penguat kuasa:

- Suami/isteri;
- Bekas suami/isteri;
- Anak lelaki atau anak perempuan;
- Ibu atau bapa, abang, kakak, adik, atau mana-mana saudara lain yang pada pendapat mahkamah merupakan anggota keluarga tersebut;
- Peguam mangsa; atau
- Dalam hal jika mangsa ialah seorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu, atau seorang pegawai kebajikan masyarakat selain pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa.

Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan boleh dibuat di mana-mana daerah yang:

- Mangsa itu tinggal;
- Orang yang terhadapnya perlindungan itu diminta tinggal;

- Keganasan rumah tangga yang dikatakan itu berlaku; atau
- Mangsa ditempatkan buat sementara waktu.

Keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai mana-mana perbuatan berikut:

- Secara sengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal;
- Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa dengan suatu perbuatan yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- Memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual ataupun selainnya yang mangsa berhak untuk tidak melakukannya;
- Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa;
- Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disadari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa dengan cara yang menyalahi undang-undang, atau dalam hal jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan;
- Menyebabkan penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi kepada mangsa.
- Menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa;
- Dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
- Mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan; atau
- Berhubung dengan mangsa atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya.

Pegawai kebajikan masyarakat yang bertindak sebagai pegawai penguat kuasa di bawah akta ini perlu menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

- Membantu mangsa keganasan rumah tangga memfailkan aduan berkenaan dengan keganasan rumah tangga itu;

- Mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif atau tempat selamat atau tempat berlindung sekiranya perlu;
- Mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa ke hospital atau tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan sekiranya rawatan itu diperlukan oleh mangsa;
- Menjelaskan kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan; dan
- Menemani mangsa ke kediaman mangsa atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya.

### **Perkhidmatan Yang Disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat**

- Permohonan Tempat Selamat
- Permohonan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)
- Permohonan Perintah Perlindungan Interim (IPO)
- Permohonan Perintah Perlindungan (PO)
- Perkhidmatan Kaunseling

### **Cara Membuat Permohonan Aduan Keganasan Rumah Tangga Secara Dalam Talian**

- Pemohon/mangsa boleh menghantar aduan/permohonan secara dalam talian. Bagi tujuan tersebut, pemohon/mangsa perlu mendaftar sebagai pengguna terlebih dahulu.
- Setelah mendaftar, pemohon/mangsa perlu memasukkan maklumat peribadi, maklumat berkaitan aduan dan laporan polis yang berkaitan.
- Setelah menghantar permohonan, pemohon akan dihubungi oleh pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat berdasarkan maklumat daerah/negeri yang dimasukkan.

Pemohon boleh menghubungi Talian Kasih 15999 untuk mendapatkan bantuan segera.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/28911?language=my>

## **Isu Lain Yang Berkaitan**

Pada dasarnya, tiada istilah rogol dalam perkahwinan. Takrifan rogol telah dijelaskan secara tuntas dalam Seksyen 375 Kanun Keseksaan [Akta 574], manakala Seksyen 375A memperincikan kesalahan jenayah suami terhadap isteri berkaitan hubungan seksual.

Polemik timbul apabila ada pihak yang menggambarkan seolah-olah Islam membenarkan rogol dalam perkahwinan. Hal ini berpunca daripada salah faham dan salah tafsir dalam menilai hadis pada teks dan bukan dalam konteks sebenar. Rata-ratanya hadis-hadis ini didendangkan di meja-meja penceramah masjid dan surau oleh orang yang tidak berkelayakan dalam bidang hadis dan usul fiqh sedangkan Surah al-Nisa (4:19) menyebut "...Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik", bahkan hadis sahih daripada Saidatina 'Aisyah r.a., dalam Riwayat Tirmizi, Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik terhadap pasangannya. Dan aku adalah orang yang paling baik terhadap pasanganku."

Cakupan undang-undang sivil mahupun Syariah sudah memadai apabila Seksyen 375A Kanun Keseksaan dimasukkan dan memperuntukkan jika mana-mana lelaki dalam suatu perkahwinan yang sah menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya, maka lelaki itu hendaklah dikenakan hukuman penjara selama tempoh sehingga lima tahun.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] juga terpakai dalam menghadapi konflik keganasan rumah tangga. Tambahan pula, bagi pasangan beragama Islam, Perintah Tegahan Kacau Ganggu dan Injunksi juga boleh diperolehi dari Mahkamah Tinggi Syariah, sebagai contoh, melalui Seksyen 200 Enakmen Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri. Pasangan bukan Islam pula boleh mengguna pakai Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 [Akta 164] yang memperuntukkan perlindungan yang sewajarnya.

Polemik ini berterusan menjadi barah kerana masyarakat melihat peruntukan nas dengan satu wajah sahaja, misalnya, hadis berkaitan kriteria pemilihan jodoh oleh seorang teruna. Dalam lafaz teks hadis tersebut daripada Riwayat al-Bukhari dan Muslim dinyatakan wanita dinikahi kerana empat perkara, iaitu agamanya, hartanya, rupa parasnya, dan keturunannya, dan jika seorang lelaki memilih wanita yang

beragama, nescaya dia akan beruntung. Hakikatnya, panduan pemilihan ini juga terpakai kepada si dara yang berusaha mencari jodoh.

Dalam konteks hubungan suami isteri, hadis masyhur yang diriwayatkan oleh Zayd Ibn Arqam bermaksud “Seorang wanita tidak akan (sempurna) menunaikan hak Tuhannya sehinggalah dia menyempurnakan hak suaminya, dan sekiranya dia (suami) memintanya (untuk bersetubuh) di atas *Qatbi* (pelana di atas unta) dia (isteri) (seharusnya) tidak menolak.” Hadis ini sering kali dijadikan modal untuk menghalalkan tuntutan seksual suami dalam apa-apa keadaan sekalipun, walhal hadis yang sama turut terpakai kepada suami dalam memenuhi tuntutan batin si isteri. Dalam perbincangan fiqh, Sheikh Islam Ibn Taimiyyah mengatakan seorang suami perlu peka terhadap naluri isterinya dan jika tidak dipenuhi, si suami akan terhukum dosa. Hal inilah yang dikatakan hadis Nabawi perlu dibaca dengan dua wajah secara seimbang dan tanpa berat sebelah.

Seterusnya, Surah al-Ruum (31:21) membawa maksud, “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.” Melalui ayat ini, barulah hadis Zayd Ibn Arqam terpakai kerana apabila wujud kasih sayang dan belas kasihan dalam hubungan seksual, masakan atas tunggangan unta, bahkan di mana-mana sahaja hajat itu boleh dipenuhi selagi tidak menjejaskan prinsip asas moral masyarakat timur.

Islam mengambil berat tentang wanita dengan begitu teliti sehingga perihal *al-‘azl* (sisuami membuang air maninya diluar rahim isterinya) juga turut dibincangkan. *Al-‘Azal* adalah satu kaedah perancangan keluarga dan tindakan si suami ini perlu mendapat izin isteri kerana khawatir tindakan itu menjejaskan kenikmatan isteri.

Dalam menangkis tohmahan sesetengah pihak yang mengatakan Islam meraikan rogol dalam perkahwinan, boleh disemak semula sirah hidup Baginda Muhammad SAW yang memiliki sembilan orang isteri (ada sebahagian riwayat mengatakan 11 orang isteri). Dalam rekod hadis, tiada satu pun riwayat berkaitan Nabi Muhammad SAW mengasari para isteri apatah lagi melakukan paksaan dalam hubungan seksual.

Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia juga telah membincangkan hukum suami melakukan hubungan seksual secara paksaan iaitu, “Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam, hubungan di antara lelaki dan wanita adalah diharamkan setelah melalui akad ijab dan qabul yang sah. Oleh itu muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tiada istilah rogol atau melanggar hak asasi manusia dalam sebuah perkahwinan yang sah dan keganasan rumah tangga yang berlaku adalah lebih bersifat *dharar* yang boleh diambil tindakan peruntukan undang-undang sedia ada.”<sup>7</sup>

### Hak Isteri dalam Perkahwinan

Islam telah menggariskan hak-hak bagi manusia untuk mengatur hidupnya. Wanita pada era pra-Islam tidak mempunyai kedudukan yang hebat. Namun dengan kehadiran Islam, seorang isteri diangkat sebagai ratu mahkota di rumah perkahwinan dengan diberikan kepadanya hak sistem yang komprehensif meliputi hak-hak dalam kehidupan perkahwinan dan Islam menegaskan kebaikan penguasaan antara pasangan serta hak yang mesti ditunaikan dan tidak boleh diabaikan oleh suami, iaitu hak material dan moral.

Hak material seorang isteri iaitu tunjangan, pakaian dan tempat tinggal dianggap sebagai hak kewangan yang layak dimiliki oleh isteri, kerana nafkah dalam syariat bermaksud “apa yang bergantung pada kelangsungan hidup sesuatu dalam bentuk makanan, pakaian, dan tempat tinggal, sehingga kita berurusan dengan hamba kita”<sup>8</sup>. Ertinya, suami perlu menyediakan keperluan isteri iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan sejenisnya, sesuai dengan kebiasaan dan kemampuannya<sup>9</sup>. Islam mewajibkan suami berbelanja untuk isterinya setakat kemampuannya sebagaimana firman Allah Yang Maha Esa:

( لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَن قَدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا آتَاهَا).<sup>14</sup>

<sup>7</sup> Muhammad Syafiq Mukhtar, 2020, *Tiada Istilah Rogol dalam Perkahwinan*, Utusan Melayu hlmn. 10.

<sup>8</sup> Sayid Sabiq (almarhum: 1420 Hijrah), *Fiqh al-Sunnah*, Darul Kitab Arab, Beirut - Lubnan, edisi ketiga, 1397 AH - 1977 CE, 2/179.

<sup>9</sup> Qadi Abd al-Nabi Ibn Abd al-Rasool al-Ahmad al-Nukri, *Perlembagaan Ulama Jami` al-Ulama fi Idioms al-Funun*, Dar al-Kutub al-Ilmiyya - Lebanon / Beirut, edisi pertama, 1421 AH - 2000 CE, 3/288.

<sup>14</sup> al-Qur'an, al-Talaq, 65:7

Maksudnya:

*Hendaknya orang yang mampu memberikan nafkah menurut kemampuannya. Sedang yang terbatas rezekinya, berilah nafkah sesuai dengan pemberian Allah. Allah tidak akan membebani seseorang melebihi kemampuan yang diberikan Allah.*

Sunnah Nabi telah menunjukkan dalam beberapa hadis bahawa suami wajib berbelanja untuk keluarganya.<sup>15</sup> Namun begitu, dijelaskan bahawa membelanjakan mereka daripada perniagaan terbaik ketika Yang Maha Kuasa, seperti yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

«دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ، وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مِسْكِينٍ، وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ، أَعْظَمَهَا أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ.»

Maksudnya:

*Satu dinar yang kamu belanjakan di jalan Allah, satu dinar yang kamu belanjakan untuk memerdekakan hamba, satu dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin dan satu dinar yang kamu belanjakan untuk keluarga kamu, yang paling besar (banyak) pahalanya adalah yang kamu belanjakan untuk keluargamu.*

Isteri mempunyai hak ke atas mas kahwinnya selepas berlakunya ikatan kontrak perkahwinan yang sah, sebagaimana firman Allah Yang Maha Esa:

﴿وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ نِحْلَةً﴾<sup>16</sup>

Maksudnya:

*Dan berikanlah kepada wanita-wanita yang kamu nikahi itu mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib.*

Berkenaan jumlah mas kahwin, tiada ketentuan tentangnya dan ia berbeza antara negara. Di samping itu, si suami tidak dibenarkan mengambil sebahagian daripada maharnya kecuali dengan persetujuan isteri dan atas kebajikannya. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا﴾<sup>17</sup>

Maksudnya:

*Tidak halal bagi kamu untuk mengambil dari apa yang telah kamu berikan kepada isteri kamu.*

<sup>15</sup> Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf al-Shirazi (wafat: 476 H), *al-Muhadhdhab fi Fiqh al- Imam a-Shafi'i*, 3/148.

<sup>16</sup> al-Qur'an, An-Nisa, 4:4

<sup>17</sup> al-Qur'an, Al-Baqarah, 2:229



Al-Sharbini menjelaskan bahawa terdapat tujuh hak isteri dalam perkahwinan iaitu:<sup>18</sup>

- i. Makanan
- ii. Bahan-bahan seperti rempah-ratus (bawang, minyak masak, garam, gula, asam termasuk lauk-pauk dan sebagainya).
- iii. Pembantu bagi isteri yang kebiasaannya mempunyai pembantu.
- iv. Pakaian.
- v. Alat-alat pembersih badan dan pencuci pakaian, sikat dan sebagainya.
- vi. Perkakas-perkakas rumah seperti perkakas bilik air, perkakas tidor dan sebagainya.
- vii. tempat tinggal (rumah).

Pakaian merupakan salah satu nafkah yang wajib disediakan oleh suami secara berterusan, seperti firman Allah SWT:

( وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ )<sup>19</sup>

Maksudnya:

*Dan kewajiban ayah (suami) memberi makan dan pakaian kepada para ibu (isteri) dengan cara yang ma'ruf.*

Pakaian termasuk juga alat untuk penjagaan kebersihan diri isteri dan semua keperluan isteri untuk tujuan itu. Isteri perlu disediakan dengan pakaian dan alat yang mencukupi. Hal ini berbeza mengikut ciri-ciri fizikal isteri (contohnya, ketinggian, saiz badan lain-lain) dan ia juga berbeza mengikut negara tempat tinggalnya.<sup>20</sup> Namun begitu, pakaian itu perlu sesuai dengan posisi suami dari segi harga dan ciri-cirinya, dan memandangkan pakaian diperlukan untuk menjaga tubuh setiap saat, maka wajib bagi suami menyediakannya sebagai nafkah.<sup>21</sup>

وعن عائشة رضي الله عنها قالت: قالت هند امرأة أبي سفيان للنبي صلى الله عليه وسلم: إن أبا سفيان رجل شحيح وليس يعطيني ما يكفيني وولدي إلا ما أخذت منه، وهو لا يعلم؟ قال: "خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف" (متفق عليه)

<sup>18</sup> Shams al-Din, Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Sherbini al-Shafi'i, dalam *Mughni Muhtaj' ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, edisi pertama, 1415 Hijrah - 1994 Masihi, 5/151.

<sup>19</sup> al-Qur'an, Al-Baqarah, 2:233

<sup>20</sup> Abu Al-Hussein Yahya bin Abi al-Khair bin Salem al-Amrani al-Yamani al-Shafi'i, pernyataan di mazhab Imam al-Shafi'i, pengkaji: Qasim Muhammad al-Nuri, Dar al-Minhaj-Jeddah, edisi pertama, 1421 AH - 2000 CE, 11/208.

<sup>21</sup> Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Sharaf Al-Nawawi (meninggal: 676 Hijrah), *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*, Beirut: Dar Al-Fikr, 18/258.

Maksudnya: *Dari Aisyah RA, ia berkata: Hindun isteri Abu Sufyan berkata kepada Nabi SAW, “Sesungguhnya Abu Sufyan adalah seorang laki-laki yang bakhil, ia tidak memberikan kepadaku apa yang mencukupi aku dan anakku kecuali apa yang aku ambil secara diam-diam tanpa pengetahuannya”. Lalu Nabi SAW berkata “Ambillah apa yang mencukupimu dan anak-anakmu dengan cara yang baik”*

Berdasarkan hadis di atas, jelas bahawa nafkah merupakan hak seorang wanita. Seorang suami wajib memberi nafkah kepada isteri. Sekiranya pemberian nafkah tidak berlaku atau tidak cukup, maka isteri berhak mengambil sedikit duit suami walaupun suaminya tidak tahu.

Seterusnya, hak moral isteri adalah lebih penting daripada segala perkara lain kerana ia merupakan tujuan utama bagi akad nikah. Hak moral isteri mencakupi bersekedudukan dengan baik, dihormati oleh suaminya, digauli dengan baik dan dibawa kesenangan kepada keluarganya agar kasih sayang bertaut, kesetiaan berlanjutan dan keakraban meningkat antara mereka, seperti firman Allah SWT:

( وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُنَّ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا )<sup>22</sup>

Maksudnya: *Dan bergaullah dengan mereka secara baik. Jika kamu tidak menyukai mereka, mungkin dari sesuatu yang tidak kamu sukai itu, namun Allah mendatangkan kebaikan yang banyak.*

Islam menekankan kepentingan bagi seorang suami menghormati pendapat isterinya dan menghargainya walaupun dia tidak bersetuju dengan pendapat si isteri. Suami juga harus bersikap toleransi terhadap keluarganya.

Selain itu, perlu dibezakan antara tanggungjawab dengan hak seorang isteri. Tanggungjawab ialah apabila isteri itu redha dalam perkahwinan dan menunaikan segala tanggungjawabnya sebagai seorang isteri seperti taat kepada panggilan suami dan menjaga aib suami. Hak isteri pula selain yang disebutkan sebelum ini ialah hak untuk beribadah, hak untuk mendapat pendidikan, hak untuk menerima nafkah, hak untuk bersuara dan hak untuk keluar bekerja dengan izin suami. Tanggungjawab dan hak perlu seimbang untuk mendapat kebahagiaan, rahmat, mawaddah, dan ketenangan. Ia perlu disokong dengan komunikasi yang baik dalam menyuburkan kasih sayang antara suami isteri. Diet pemakanan harian juga perlu diambil berat dalam memastikan hormon badan berfungsi dengan baik kerana akal yang sihat bermula daripada tubuh badan yang sihat.

---

<sup>22</sup> al-Qur'an, An-Nisa, 4:19

## Hasil Kajian

Isu kebahagiaan dan keruntuhan rumah tangga merupakan isu yang kompleks yang hanya dapat ditangani dengan melihatnya secara holistik dan diatasi dengan langkah-langkah yang menyeluruh. Setiap faktor jika tidak ditangani dengan baik berpotensi menjadi faktor peruntuh sesebuah rumah tangga pada bila-bila masa.<sup>23</sup>

Secara umumnya seseorang wanita sama ada yang berkahwin atau tidak berkahwin boleh mencapai kepuasan hidup yang tinggi jika mempunyai perspektif yang positif mengenai kehidupan. Wanita berkahwin menyandarkan kepuasan hidup kepada kepuasan perkahwinan dan sokongan emosi yang diterima daripada pasangan. Wanita yang telah berpisah (janda) juga boleh mencapai kepuasan hidup jika kehidupan selepas penceraian adalah lebih baik daripada sebelum penceraian. Namun, ia bergantung kepada keyakinan diri, sikap menghargai diri sendiri serta sokongan sosial. Bagi wanita bujang, status sosioekonomi, pendidikan, aktiviti sosial dan hubungan sosial memainkan peranan penting. Jika faktor-faktor ini dipenuhi, mereka juga masih boleh mencapai kepuasan hidup yang optimum. Kepuasan hidup berbeza antara lelaki dengan wanita disebabkan oleh perbezaan dari segi keutamaan dalam hidup, pegangan dan matlamat.<sup>24</sup>

## Kesimpulan

Terdapat pelbagai faktor luaran dan dalaman yang boleh mencetuskan konflik dalam rumah tangga. Kewujudan konflik ini perlu dikenal pasti dan ditangani dengan segera bagi mengelakkan berlakunya keadaan yang lebih serius seperti kepincangan dalam rumah tangga yang boleh menjurus ke arah keruntuhan institusi keluarga.<sup>25</sup>

Dalam budaya Melayu, setiap perselisihan atau konflik yang melibatkan keluarga sebaik-baiknya diselesaikan secara dalaman dan berhati-hati. Hal ini bolehlah dikaitkan dengan ungkapan, “*seperti menarik rambut dalam tepung, rambut*

---

<sup>23</sup> Fadillah Ismail, 2016, Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga, Prosiding Perkem Ke-11, (2016) 394 – 399 ISSN: 2231-962X.

<sup>24</sup> Siti Marziah Zakaria, Nor Ba'iah Abdul Kadir, Nasrudin Subhi & Khaidzir Ismail, 2018, Kepuasan Hidup Wanita Pertengahan Usia: Perbezaan Gender dan Status Perkahwinan, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 5 Bil 1 (2018).

<sup>25</sup> Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Mohamad Yusuf Marlon, Nursyafiqah Bokhari, 2018, Faktor Konflik Rumah tangga Dan Kaedah Mengatasi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistemik, 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel, Putrajaya, hlmn. 1-17.

*jangan putus, tepung jangan berserak*” dan “*memakan betul-betul habis, bersembunyi betul-betul hilang*”. Selagi boleh, pasangan perlu cuba mengelak daripada berkongsi konflik tersebut dengan orang luar. Tuntasnya, berhujah dengan emosi akan memburukkan lagi konflik yang ada dan boleh menimbulkan huru-hara. Oleh yang demikian, setiap individu mesti menggunakan akal dan membuat keputusan yang rasional supaya setiap konflik dapat diselesaikan dengan baik. Pada masa yang sama, semangat ukhuwah dan persaudaraan sesama ahli keluarga perlu dikekalkan. Oleh itu, setiap individu perlu menjaga hubungan dengan Allah (*hablumminnallah*), hubungan manusia dengan manusia (*hablumminnannas*) dan hubungan manusia dengan alam (*khalifatul ard*) supaya kekal bahagia di dunia dan akhirat.<sup>26</sup>

## Cadangan

Memandangkan perceraian boleh membawa implikasi serius terhadap institusi keluarga seperti keretakan hubungan antara dua buah keluarga dan menyumbang kepada berlakunya gejala-gejala sosial dalam masyarakat dan anak-anak terabai, maka penyelesaian kepada persoalan perceraian perlu dicari. Penyelidikan secara ilmiah untuk mendapatkan data dan maklumat yang sah yang boleh digunakan untuk merancang dan membuat tindakan strategik untuk jangka pendek dan jangka panjang harus dilaksanakan.

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan oleh anggota masyarakat dalam meningkatkan lagi pengetahuan tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga. Kajian ini juga dapat menjadi pencetus kepada pihak berkepentingan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita dalam mencari jalan terbaik untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat membuka mata semua pihak seperti agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik dan pengamal undang-undang, kepentingan pengetahuan dan pemahaman tentang perundangan keganasan rumah tangga dalam kehidupan masyarakat yang kian mencabar.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria, 2017, Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel *Saga*, *Akademika* 87(2), *Ogos* 2017:77-87.

<sup>27</sup> Nur Saadah Mohamad Aun, Nur Shuhada Mohd Mustaffarizan, 2018, Pengetahuan Mahasiswa Tentang Perundangan Dalam Keganasan Rumah Tangga, *Jurnal Personalia Pelajar* 21(1): 37-42.

## Rujukan:

*Al- Qur'an al-Karim.*

Al-Ahmad Nukri. 2000. Abd al-Nabi bin Abd al-Rasul. *Dustur al-Ulama' au Jami' al-Ulum fi*

*Istilahat al-Funun.* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Azharuddin Sahil. 2010. *Al-Qur'an Teks Asal dan Terjemahan (Ayat ke Ayat)*, Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.

Al-Imrani 2000. Abu Al-Hussein Yahya bin Abi al-Khair bin Salem. *Pernyataan di Mazhab Imam al-Shafi'i*, pengkaji: Qasim Muhammad al-Nuri. Jeddah: Dar al-Minhaj.

Fadillah Ismail. 2016. *Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga, Prosiding Perkem Ke-11*, (2016) 394 – 399 ISSN: 2231-962X.

Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Mohamad Yusuf Marlon, Nursyafiq Bokhari. 2018. *Faktor Konflik Rumah tangga Dan Kaedah Mengatasi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistemik*, 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel, Putrajaya.

Muhammad Syafiq Mukhtar. 2020. *Tiada Istilah Rogol dalam Perkahwinan.* Utusan Melayu.

Al-Nawawi. Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Sharaf (wafat: 676 Hijrah). *Al-Majmoo Sharh Al-Muhadhdhab*, Beirut: Dar Al-Fikr. 18/258.

Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria. 2017. *Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga*, *Akademika* 87(2), Ogos 2017:77-87.

Nur Saadah Mohamad Aun, Nur Shuhada Mohd Mustaffarizan. 2018. *Pengetahuan Mahasiswa Tentang Perundangan Dalam Keganasan Rumah Tangga.* *Jurnal Personalia Pelajar* 21(1): 37-42.

Sayid Sabiq (wafat: 1420 Hijrah). *Fiqh al-Sunnah.* Beirut: Darul Kitab Arab. edisi ketiga, 1397 AH - 1977 CE, 2/179.

Al-Shafi'i, 1990. Abu Abdullah Muhammad bin Idris. *Al-Umm*, Beirut: Darul Makrifah.

Al-Sharbini. 1994. Muhammad bin Muhammad al-Khatib. *Mughni Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyya. edisi pertama, 5/151.

Al-Shirazi. 2003. Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf (wafat: 476 H), *al-Muhadhdhab fi fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. 3/148

Wida Widiyanti, M. Solehuddin, Aas Saomah. 2017. *Profil Perilaku Narsisisme Remaja Serta Implikasinya Bagi Bimbingan Dan Konseling, Indonesian Journal of Educational Counseling*, Volume 1, No. 1, Januari 2017: Page 15-26, ISSN 2541-2779 (print) || ISSN 2541-2787 (online).

Siti Marziah Zakaria, Nor Ba'yah Abdul Kadir, Nasrudin Subhi & Khaidzir Ismail. 2018. *Kepuasan Hidup Wanita Pertengahan Usia: Perbezaan Gender dan Status Perkahwinan*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 5 Bil 1 (2018).

Soalan No. : 68 Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Lisan Dewan Negara Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas

<https://wao.org.my/>

<https://www.centre.my/post/mco-and-mental-health-living>

<https://www.nytimes.com/2020/04/06/world/coronavirus-domestic-violence.html>

<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/28911?language=my>